



**KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN  
KEBUDAYAAN MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN  
PENGANJURAN KURSUS PENGESAHAN  
DAN  
TAMBAHAN BAHASA PEMANDU PELANCONG**

Dikemaskini pada: **1 Jun 2016**

# GARIS PANDUAN PENGANJURAN KURSUS PENGESAHAN DAN TAMBAHAN BAHASA PEMANDU PELANCONG 2016

---

## 1. PENGENALAN

- 1.1 **Kursus Pengesahan** Pemandu Pelancong adalah merupakan **kursus wajib** yang perlu diikuti oleh setiap **pemegang kad pemberian kuasa sah Pemandu Pelancong Bandar (biru), Khas Langkawi (KV) dan *Region Specific Tourist Guide (RSTG)*** yang berhasrat untuk **menukar status pemegang kad pemberian kuasa pemandu pelancong** daripada **percubaan** kepada **tetap**.
- 1.2 **Tambahan Bahasa** Pemandu Pelancong pula merujuk kepada **pemegang kad pemberian kuasa sah Pemandu Pelancong Bandar (biru), Alam Semulajadi Setempat (hijau), Khas Langkawi (KV) dan *Region Specific Tourist Guide (RSTG)*** yang berhasrat untuk **menambah pilihan bahasa pemanduan** yang diinginkan selain daripada bahasa sedia ada.

## 2. OBJEKTIF

- 2.1 Objektif garis panduan ini adalah untuk menerangkan mekanisma pelaksanaan Kursus Pengesahan dan Tambahan Bahasa Pemandu Pelancong di Malaysia.

## 3. PENYEDIA LATIHAN

- 3.1 Penyedia Latihan yang **dibenarkan** untuk menganjurkan Kursus Pengesahan dan Tambahan Bahasa Pemandu Pelancong adalah **Persatuan-persatuan pemandu pelancong** yang **sah** dan **berdaftar** dengan **Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia** serta **diiktiraf** oleh

## **Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK).**

- 3.2 Setiap penyedia latihan bertanggungjawab untuk **menyemak dan menyaring dengan teliti** setiap penyertaan sebelum mengemukakan permohonan penganjuran kursus kepada KPK.

### **4. PENYERTAAN**

- 4.1 Syarat-syarat kelayakan penyertaan **Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong** adalah seperti berikut:

4.1.1 **pemegang kad pemberian kuasa pemandu pelancong** berstatus **percubaan** yang **sah** dengan **tempoh minima dilesenkan** sekurang-kurangnya **dua puluh empat bulan (24) bulan**; dan

4.1.2 **tidak melakukan sebarang kesalahan atau pelanggaran etika atau salah laku** di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 atau undang-undang lain yang berkaitan.

- 4.2 Syarat-syarat kelayakan penyertaan **Tambahan Bahasa Pemandu Pelancong** adalah seperti berikut:

4.2.1 **bertaraf warganegara Malaysia**, sihat secara fizikal dan mental;

4.2.2 **pemegang kad pemberian kuasa pemandu pelancong** berstatus **tetap** sahaja yang dikeluarkan oleh KPK;

4.2.3 tidak melakukan sebarang kesalahan atau pelanggaran etika atau salah laku di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 atau undang-undang lain yang berkaitan.

- 4.3 Calon-calun hanya dibenarkan untuk menambah **satu bahasa tambahan sahaja** pada **satu masa yang sama**.
- 4.4 Calon-calun yang telah menerima surat makluman keputusan lulus kursus pengesahan atau tambah bahasa perlu mengemukakan permohonan untuk pertukaran status sedia ada kepada status tetap dan mengemukakan permohonan untuk menambah bahasa dalam **tempoh tiga (3) bulan** daripada tarikh surat keputusan.

## **5. TEMPOH DAN JADUAL KURSUS**

- 5.1 Tempoh pelaksanaan minimum Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong adalah **tiga puluh (30) jam**.
- 5.2 Penyedia latihan perlu menyediakan jadual kursus yang lengkap dan tersusun. Tajuk **WAJIB** bagi Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong adalah seperti berikut:
- 5.2.1 Akta Industri Pelancongan 1992 oleh Bahagian Pelesenan Pelancongan, KPK (dua jam);
- 5.2.2 Trend, Isu Semasa Industri Pelancongan dan Eko-Pelancongan oleh Bahagian Pembangunan Industri, KPK (dua jam);
- 5.2.3 Polisi dan Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia oleh Bahagian Dasar Kebudayaan, KPK (dua jam);
- 5.2.4 Promosi dan Produk-produk Baru Pelancongan di Malaysia oleh Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia (dua jam);
- 5.2.5 Peranan Majlis Pemandu Pelancong Malaysia (MTGC) / Persatuan Pemandu Pelancong oleh

MTGC / Persatuan Pemandu Pelancong yang diiktiraf oleh KPK (dua jam);

5.2.6 Kod dan Etika Pemandu Pelancong (dua jam);

5.2.7 Kemahiran Komunikasi dan Penyampaian yang Berkesan (dua jam);

5.2.8 Sejarah dan Warisan Malaysia (dua jam); dan

5.2.9 *Safety* dan Pertolongan Cemas (*First Aid*) (dua jam).

5.3 Penyedia latihan amat digalakkan untuk menyediakan tajuk-tajuk tambahan yang relevan dan berkaitan atau lawatan praktikal yang bersesuaian kepada peserta-peserta kursus.

5.4 **Calon tambahan bahasa tidak perlu mengikuti kursus** dan hanya menghadiri **sesi peperiksaan praktikal sahaja**.

## 6. PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN

6.1 Penyedia latihan **WAJIB** mengemukakan dokumen dan maklumat seperti berikut:

- (i) **surat iringan** permohonan penganjuran kursus;
- (ii) **jadual lengkap kursus** (*time table*) termasuk tarikh dan masa, modul-modul, lokasi, penceramah dan fasilitator;
- (iii) **salinan kad pengenalan** setiap peserta;
- (iv) **salinan kad pemberian kuasa** sah pemandu pelancong setiap peserta;
- (v) **maklumat tempoh pemanduan** bagi setiap peserta; dan
- (vi) **empat (4)** cadangan nama **pemeriksa** beserta **biodata** (*curriculum vitae*) dan **salinan kad pemberian kuasa** sah pemandu pelancong.

- 6.2 Dokumen dan maklumat di para 6.1 di atas perlu dikemukakan selewat-lewatnya dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** sebelum bermulanya kursus kepada Bahagian Pembangunan Industri (BPI), KPK untuk semakan dan kelulusan.
- 6.3 Surat kelulusan atau tiada halangan akan dikeluarkan kepada penyedia latihan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** setelah **dokumen lengkap diterima**.
- 6.4 Penyedia latihan **tidak dibenarkan** untuk memulakan kursus sebelum menerima Surat Tiada Halangan penganjuran kursus daripada KPK. Ketidakpatuhan peraturan ini boleh menyebabkan penganjuran kursus berkenaan tidak sah.
- 6.5 Calon untuk tambah bahasa perlu didaftarkan bersama calon Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong sekiranya mereka akan menjalankan peperiksaan pada hari yang sama. **Pertukaran bahasa** bagi calon tambahan bahasa **tidak dibenarkan** setelah berdaftar dengan KPK.

## **7. BAYARAN**

- 7.1 Bayaran untuk pendaftaran, kursus, peperiksaan praktikal dan lain-lain ditentukan oleh penyedia latihan sepenuhnya.

## **8. PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN**

- 8.1 Peperiksaan yang perlu diduduki oleh calon Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong dan calon tambahan bahasa adalah **peperiksaan praktikal**.
- 8.2 Peperiksaan praktikal mengandungi dua (2) seksyen iaitu seksyen satu (1): **Ujian Oral dan Slaid**; dan seksyen dua (2): **Ujian Pemanduan**.

### 8.3 Perincian pecahan markah adalah seperti berikut:

- (i) Kursus Pengesahan dan Tambahan Bahasa Pemandu Pelancong Bandar

BIL.	PEPERIKSAAN (SEKSYEN)	WAJARAN (%)	LULUS MINIMUM (%)
1.	Seksyen 1: Ujian Oral & Slaid	45	36
2.	Seksyen 2: Ujian Pemanduan (Koc)	55	44
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>	<b>80</b>

- (ii) Kursus Pengesahan dan Tambahan Bahasa Pemandu Pelancong *Region Specific Tourist Guide (RSTG)*

BIL.	PEPERIKSAAN (SEKSYEN)	WAJARAN (%)	LULUS MINIMUM (%)
1.	Seksyen 1: Ujian Oral & Slaid	45	36
2.	Seksyen 2: Ujian Pemanduan		
	- Koc	27.5	22
	- Trail	27.5	22
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>	<b>80</b>

8.4 Skop penilaian bagi setiap seksyen adalah seperti berikut:

- (i) *Personality / attitude* : 10%
- (ii) *Confidence / fluency of delivery* : 15%
- (iii) *Language skills* : 15%
- (iv) *Product knowledge* : 25%
- (v) *Ability to generate interest* : 35%

8.5 Penilaian dilaksanakan dengan menggunakan **Borang Penilaian** Kursus Pengesahan Pemandu Pelancong dan Tambahan Bahasa seperti di **LAMPIRAN A**.

8.6 Calon **wajib lulus setiap seksyen**. Calon yang **gagal** perlu **mengulangi kedua-dua seksyen** meskipun telah lulus salah satu daripadanya.

8.7 Calon yang mengulang tidak **perlu mengikuti semula kursus**.

8.8 Calon-calon yang telah layak untuk menduduki Kursus Pengesahan berdasarkan perenggan 4.1 di atas, mempunyai tempoh selama **dua belas bulan (12) bulan** untuk menduduki kursus dan peperiksaan Kursus Pengesahan.

8.9 Calon-calon yang **tidak menduduki** atau **gagal** peperiksaan Kursus Pengesahan selepas tamat tempoh dua belas (12) bulan tersebut, **kad pemberian kuasa pemandu pelancong** mereka boleh dipertimbangkan untuk **digantung** atau **dibatalkan** atau dikenakan apa-apa tindakan bersesuaian berdasarkan Akta Industri Pelancongan 1992.

## **9. PEMERIKSA DAN PEMERHATI PEPERIKSAAN PRAKTIKAL**

9.1 Bagi setiap sesi peperiksaan, minima **dua (2) orang pemeriksa** dan **seorang pemerhati** akan dilantik di

mana pegawai pemerhati akan membuat **pemilihan slaid** dan **lalu** bagi peperiksaan praktikal.

9.2 KPK mempunyai **kuasa sepenuhnya** untuk menentukan mana-mana pemeriksa yang memenuhi syarat sama ada yang dicadangkan oleh penyedia latihan ataupun tidak untuk menjadi pemeriksa bagi mana-mana sesi peperiksaan praktikal.

9.3 Segala urusan pelantikan akan diuruskan oleh pihak KPK. Sebarang **ketidapatuhan** boleh mengakibatkan keputusan peperiksaan praktikal tidak sah.

9.4 Syarat-syarat pemeriksa bagi peperiksaan praktikal adalah seperti berikut:

(i) **pemegang kad pemberian kuasa pemandu pelancong bandar** atau **KV** atau **RSTG** yang **berlesen, berstatus tetap** dan **dilesenkan dalam bahasa yang akan dinilai**;

(ii) **tidak memegang sebarang jawatan** dalam persatuan pemandu pelancong yang menganjurkan Kursus Pengesahan atau Tambahan Bahasa yang dinilai tersebut;

(iii) berpengalaman dalam pemanduan sekurang-kurangnya **sepuluh (10) tahun**;

(iv) **tidak melakukan sebarang kesalahan atau pelanggaran etika atau salah laku** di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 atau undang-undang lain yang berkaitan; atau

(v) **mana-mana individu** yang **mempunyai penguasaan bahasa-bahasa tertentu** yang terbukti **fasih dan lancar**.

9.5 Semua **pemeriksa dan pemerhati peperiksaan praktikal** perlu memperolehi **pelantikan**

**Kementerian seminggu sebelum peperiksaan** dan keputusan Kementerian terhadap pelantikan pemeriksa dan pemerhati adalah **MUTKTAMAD**.

## **10. NOTIS**

- 10.1 Garis panduan ini boleh dipinda dan ditambahbaik oleh KPK dari semasa ke semasa tanpa sebarang notis.
- 10.2 Garis panduan ini juga hendaklah dibaca **bersekali** dengan peraturan-peraturan dan arahan rasmi yang telah dan akan dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh KPK.
- 10.3 Jika terdapat **sebarang percanggahan arahan atau peraturan** bagi butiran atau perkara yang sama di antara kandungan garis panduan ini dengan kandungan garis panduan / arahan / peraturan yang telah dikeluarkan **sebelum** ini, maka kandungan **garis panduan** ini hendaklah **diguna pakai**.

## **11. KAEDAH PERHUBUNGAN**

- 11.1 Sebarang surat menyurat / pertanyaan juga boleh di alamatkan kepada :

**Bahagian Pembangunan Industri  
Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan  
Tingkat 14, No. 2, Menara 1,  
Jalan P5/6, Presint 5,  
62200 Putrajaya  
Malaysia.**

**Tel : 03-8891 7469  
Faks : 03-8891 7473  
Email : waikit@motac.gov.my  
jamal@motac.gov.my**

## **12. TARIKH BERKUATKUASA**

13.1 Garis Panduan ini digunapakai dan berkuatkuasa bermula **1 Jun 2016**.

Cawangan Perkhidmatan Pelancongan  
Bahagian Pembangunan Industri  
Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia  
Jun 2016